



پلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 SUBUH 4.56 SYURUK 6.14 DUHA 6.36 ZUHUR 12.21 ASAR 3.27 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.36 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 106

2 SEPTEMBER 2024 / 1446 صفر 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kepada Ku nescaya Aku perkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari beribadat kepada Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir, ayat 60.



BERANGKAT KURNIAKAN ANAK KUNCI RUMAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Tutong.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 dan 4).



Berita Utama



FINANCIAL Fun Fair ketengahkan pengetahuan pengurusan kewangan

Muka 11



TANAM pokok meraikan Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan TAIB

Muka 13

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Setiausaha Agung Parti Komunis Viet Nam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Setiausaha Agung Parti Komunis Viet Nam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam dan Perdana

Minister Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh, dan juga kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam yang Ke-79 Tahun.



TINGKATKAN kefahaman, pengetahuan mengenai akidah Islam

Muka 17



GOMAMAM, belia tempatan berhasrat jadikan negara lebih digital

Muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA Ke-14, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmatNya jua dapatlah kita sekali lagi bersama-sama hadir dalam Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-14, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan

syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian mereka masing-masing. Demikian juga beta merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang sama kepada para ibu bapa, penjaga serta para tenaga akademik yang sama-sama memberikan sumbangan bermakna kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan hari ini.

UNISSA dalam usianya yang semakin matang telah mencapai beberapa pencapaian yang membanggakan di arena global. Tahniah beta ucapkan atas peningkatan kedudukan *ranking* dalam World University Ranking for Innovation (WURI) yang diraih oleh UNISSA pada tahun ini. Ini adalah pengiktirafan berharga daripada badan penilai

September	MASIH	HARI	Safar	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISNIN	28	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 27	6 . 26	7 . 36	
3	SELASA	29	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 25	6 . 26	7 . 35	
4	RABU	30	4 . 46	4 . 56	6 . 13	6 . 36	12 . 20	3 . 24	6 . 25	7 . 35	
5	KHAMIS	1 Rabiulawal	4 . 46	4 . 56	6 . 13	6 . 36	12 . 20	3 . 23	6 . 25	7 . 34	
6	JUMAAT	2	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 20	3 . 22	6 . 24	7 . 34	
7	SABTU	3	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 21	6 . 24	7 . 33	
8	AHAD	4	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 20	6 . 23	7 . 33	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
<small>Bandar Seri Begawan</small>		
32 24 °C 	33 24 °C 	33 25 °C
<small>Pekan Bangar</small>		
32 24 °C 	33 24 °C 	33 25 °C
<small>Pekan Tutong</small>		
32 24 °C 	33 24 °C 	33 25 °C
<small>Kuala Belait</small>		
32 24 °C 	33 24 °C 	33 25 °C
<small>Wallahualam Bisswab</small>	www.met.gov.bn	
<small>Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi</small>		

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان ڈجیتک اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Jadikan pencapaian sebagai peneraju penyelidikan Islam berkualiti tinggi

antarabangsa dan beta berharap ia akan menjadi pendorong untuk UNISSA menjadi peneraju dalam menyediakan kurikulum dan penyelidikan Islam yang berkualiti tinggi di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat global.

Dalam meraikan pencapaian ini, UNISSA hendaklah terus menerus memperkuuh jati diri dan para graduannya. Aspek etika, akhlak dan integriti adalah elemen yang menjadi asas kepada setiap bentuk program dan aktiviti di UNISSA. Bahkan, pembudayaan integriti ini juga adalah mustahak diterapkan di institusi pengajian tinggi yang lain. Ia sangat penting untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berkualiti dari segi pengetahuan tetapi juga memiliki sikap dan nilai-nilai murni yang diamalkan. Ini sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan dan amalan kita orang Brunei.

Pada Majlis Haflut Takharruj yang lepas, beta ada menyentuh mengenai program undang-undang dan keperluannya kepada negara. Beta juga menyentuh adanya keperluan bagi penubuhan Fakulti Undang-Undang secara berasingan agar fakulti ini dapat beroperasi dengan lebih teratur dan memberikan tumpuan secara khusus dalam merangka modul atau Kursus Undang-Undang dengan lebih terancang dan berkualiti.

Dalam hal ini, beta juga telah memperkenankan nama baharu fakulti ini sebagai Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Beta amat berharap agar Fakulti ini memainkan peranan yang signifikan dalam melahirkan para graduan undang-undang yang berkualiti yang diperlukan oleh negara.

UNISSA sebagai sifatnya sebuah universiti

Islam tulen, difahami mempunyai pengisian yang tradisional sebagai teras. Namun begitu, beta melihat pendekatan pengajaran boleh saja dipelbagaikan. Pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran hendaknya tidak mengetepikan kemahiran abad Ke-21. Cara pendekatan kemahiran perlu diteroka supaya setiap pelajar dapat menguasainya sebelum tamat tempoh pengajian. Ini penting sebagai bekalan untuk fasa kehidupan seterusnya.

UNISSA turut memainkan peranan dalam memacu inovasi dan perjalanan ekonomi. Dalam pada itu pihak universiti, berserta pemegang dasar dan juga pakar ekonomi, selayaknya sama-sama berusaha untuk melakar strategi yang lebih berkesan dalam memperkembangkan sektor dan industri baharu bagi menyantuni kelayakan para graduan. Perancangan perlu dirangka oleh pihak yang berkepentingan bagi memaksimumkan sumber tenaga manusia yang berkelayakan ke arah menyumbang kepada kemajuan negara secara efektif.

Akhirnya, beta tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan UNISSA atas segala pengorbanan tenaga, buah fikiran dan masa dalam menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-14 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalaunya dengan ganjaran yang setimpal kepada mereka.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 2 SEPTEMBER 2024

Peka dengan cuaca tidak menentu

NEGARA Brunei Darussalam sejak akhir-akhir ini mengalami cuaca yang tidak menentu dengan angin kencang serta hujan lebat berlaku di beberapa kawasan.

Fenomena alam ini telah menyebabkan beberapa insiden pokok tumbang dan beberapa buah kediaman telah mengalami kerosakan yang teruk berdasarkan video-video tular melalui media-media sosial.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam terus menerus memaklumkan orang ramai mengenai keadaan cuaca yang tidak menentu ini dengan mengongsikan amaran cuaca pada setiap masa melalui platform media-media sosial agar orang ramai lebih bersedia menghadapinya.

Baru-baru ini, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam juga mengongsikan kelajuan angin tertinggi telah direkodkan pada jam 1.09 petang tempatan di Stesen Pencerapan Kajicuaca, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mencapai 72 kilometer sejam (kmsj).

Dengan keadaan cuaca yang tidak menentu ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko kejadian pokok tumbang dan tanah susur semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Banjir kilat juga boleh berlaku terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Dalam pada itu juga, orang ramai, para pemandu di jalan raya, dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Marilah kita sentiasa memanjatkan doa agar kita semua sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

Berangkat kurniakan anak kunci rumah



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah kepada seramai 440 penerima di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Tutong.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Kampung Kilanas, di sini, dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadiah, diikuti Sembah Alu-aluan daripada Pegawai

Pegawai DBM, Pengiran Md. Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Pemangku Pegawai DBM dalam sembah alu-aluannya, merafakkan sembah menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bercemar duli bagi menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM dan Daerah Tutong.

Sembah beliau lagi, penganugerahan ini sudah setentunya memberikan sinaran cahaya kehidupan dan tempat berteduh yang lebih selesa kepada para penerima.

Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung dan berlindung di bawah payung pemerintahan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah kepada seramai 440 penerima di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Tutong.

bijaksana Kebawah DYMM sembahnya lagi, kan terus-menerus mendukung kepimpinan dan kedaulatan baginda serta membaharu ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan Kebawah DYMM sebagai raja yang disayangi dan disanjungi.

Sebagai rakyat dan penduduk baginda juga sembahnya lagi, mereka sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM sentiasa mendapat taufik serta kurnia limpahan rahmat dan sentiasa berada di dalam keredaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan NBD.

>> Muka 4



PEMANGKU Pegawai DBM, Pengiran Md. Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim semasa menyampaikan sembah alu-aluannya (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadiah.



SEKITAR Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM dan Daerah Tutong (atas dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM dan Daerah Tutong kepada penerima (kiri, kanan dan bawah).



>> Muka 3

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM dan Daerah Tutong kepada 440 orang penerima.

Dari jumlah tersebut, 397

penerima adalah terdiri daripada DBM dan 43 penerima dari Daerah Tutong yang mana 404 orang telah diperuntukkan rumah jenis teres; 29 orang diperuntukkan unit pangsapuri; seorang diperuntukkan rumah jenis kembar; dan enam orang diperuntukkan rumah jenis kluster.

Bagi memberkati majlis, Doa

Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan melawat ke tiga buah institusi pendidikan antaranya Sekolah Menengah Sayyidina Hasan; Sekolah Rendah Sengkurong dan Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof Kampung Katimahar.

Selepas lawatan dari institusi pendidikan berkenaan, Kebawah DYMM kemudian berkenan berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Awang Haji Bujang bin Haji Abdul Ghani, seterusnya berkenan menyaksikan pameran daripada Majlis Perundingan Kampung Katimahar.

Dari rumah Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Kebawah DYMM dijunjung berangkat melawat ke beberapa rumah-rumah penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu iaitu Awangku

Mohammad Sah Doney bin Pengiran Daud di Lot 82255, No. 20, Simpang 30-22, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu; Awang Shahrun bin Haji Ibrahim @ Sharbini di Lot 82270, No. 21, Simpang 30-22, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu; Dayang Evy Pollena @ Norbatrisya Imanina binti Abdul Razak di Lot 82206, No. 21, Simpang 30-14, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu; dan Awang Hazwan bin Haji Tahir di Lot 82190, No. 22, Simpang 30-14, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu.

Bagi mengakhiri majlis keberangkatan, Kebawah DYMM berkenan dijunjung berangkat ke Dewan Berkshire, Tarindak D' Polo Royal Brunei Polo and Riding Club Sdn. Bhd., Jerudong bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Rakyat baginda amat bertuah dengan kepimpinan baginda yang terus menerus memberikan keperihatinan dan pemedulian terhadap kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat di negara ini. Ia jelas terbukti dengan adanya penyediaan perumahan yang selesa, mampu milik dan mampu khususnya melalui Skim Perumahan Negara.

Kerajaan Kebawah DYMM menerusi Jabatan Kemajuan Perumahan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan daya usaha dalam memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman sejarar dengan hasrat Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah kualiti kehidupan yang tinggi.



KEBAWAH DYMM dijunjung berangkat ke Dewan Berkshire, Tarindak D' Polo Royal Brunei Polo and Riding Club Sdn. Bhd., Jerudong bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas). Sementara gambar kanan, sebahagian penerima yang hadir pada majlis berkenaan.

PERKEMBANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TERUS DITITIKBERATKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bergambar ramai semasa berangkat melawat Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa

berkenan berangkat ke tiga buah institusi pendidikan membuktikan bahawa baginda seorang raja yang pengasih dan pemelulian tentang kehidupan rakyatnya.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu juga memberikan peluang dan kesempatan untuk mereka bersama muka secara langsung bersama raja yang dikasihi, seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan

berangkat bercemar duli sejurus selesai menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan melawat salah sebuah Makmal Sains dan kelas Program Pra Vokasional di sekolah berkenaan (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan sekali dan bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan penanaman pokok 'Durian Pulu' dan menerima junjung ziarah daripada para pelajar dan kakitangan Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat salah sebuah kelas di Sekolah Rendah Sengkurong, Kluster 4 (atas), sementara gambar kanan dan bawah kanan, baginda berkenan meninjau sesi pembelajaran di Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, Kampung Katimahar.



>> Muka 5

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan melawat ke Sekolah Menengah Sayyidina Hasan (SMSH), Jalan Ban 5, Kampung Kilanas, Mukim Kilanas.

Keberangkatan baginda di SMSH dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Pengetua SMSH, Awang Moss bin Mat Juni.

Semasa lawatan ke sekolah itu, baginda berkenan menyempurnakan penanaman pokok 'Durian Pulu' dan seterusnya melawat dan meninjau ke kelas Program Pra Vokasional, Learning Space, beberapa buah Makmal Sains, Bahagian Promosi Kesihatan, Galeri Kegemilangan Jubli Perak yang memperkenalkan hasil seni lukisan penuntut BTEC Art and Design dan pameran Persatuan Ibu Bapa Guru dan kemudian menyaksikan perbarisan daripada pelajar Tahun 7 'Hasanku'.

Sekolah tersebut ditubuhkan pada 9 Mei 1994 dan sebelumnya dikenali sebagai Sekolah Menengah Tanjong Bunut dan bertukar dengan nama Sekolah Menengah Sayyidina Hasan pada

6 Julai 1995, mempunyai seramai 1,052 penuntut yang menjalani pengajian dari Tahun 7 hingga Tahun 11 dan mempunyai tenaga pengajar seramai 123 orang serta 18 kakitangan.

Dari SMSH, Kebawah DYMM berkenan bercemar duli ke Sekolah Rendah Sengkurong, Kluster 4. Keberangkatan baginda dijunjung oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Rasyimah binti Haji Abang.

Semasa lawatan tersebut, baginda berkenan meninjau perpustakaan sekolah berkenaan dan beberapa buah kelas turut menjadi tumpuan lawatan baginda.

Sekolah tersebut mempunyai seramai 579 penuntut yang terdiri daripada 295 penuntut lelaki dan 284 penuntut perempuan.

Visi Sekolah Rendah Sengkurong iaitu 'Mandiri, Berdaya Tahan, Berakhlaq Mulia' manakala misinya pula ialah 'Menyediakan Pendidikan Berkualiti Dan Holistik Untuk Kejayaan Pelajar'.

Antara sejarah penubuhannya, ia ditubuhkan pada tahun 1930 dan Guru Besar pertama sekolah tersebut ialah Awang Anang bin Karim. Sekolah ini dibina oleh penduduk kampung yang diketuai oleh Ketua Kampung, Awang Haji



Tamit bin Asmat.

Sultan Brunei Ke-28, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam telah berkenan

berangkat ke sekolah tersebut pada 22 November 1957.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat melawat ke Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, Kampung

Katimahar dan dijunjung oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Suarya binti Haji Ahmad.

Semasa di sekolah tersebut, Kebawah DYMM berkenan melawat beberapa buah kelas dan sempat meninjau sesi pembelajaran Tahun 1 dan Tahun 2 sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, Kampung Katimahar mula beroperasi pada 4 Januari 1959 dengan menggunakan bangunan sementara dan bangunan kekal mula dibina pada 20 Disember 1964 dan siap pada 18 Oktober 1965, mula digunakan sepenuhnya pada 15 November 1965.

Mempunyai seramai 309 penuntut, sekolah tersebut menjalani pengajian dari peringkat Pra hingga Tahun 6.

Seramai 35 tenaga pengajar dan juga 10 kakitangan bertugas di sekolah tersebut.



KECERIAAN dan kemeriah terpancar pada wajah para pelajar dan guru-guru sekolah semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Sekolah Rendah Sengkurong, Kluster 4.

LAWATAN BUKTI PEMEDULIAN RAJA TERHADAP KESEJAHTERAAN RAKYAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Awang Haji Bujang bin Haji Abd. Ghani (kiri dan atas).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiq Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Awang Haji Bujang bin Haji Abd. Ghani dan rumah-rumah penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu.

Ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disambut dengan kemeriah sebahagian penduduk sekitar kawasan Kampung Katimahar berkenaan.

Semasa lawatan di rumah

Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pameran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Katimahar yang mengetahahkan

jualan produk MPK tersebut antaranya produk madu kelulut, makanan beku (frozen food), makanan kering dan sebagainya.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambahan daripada salah seorang penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu iaitu Awangku Mohammad Sah Doney bin Pengiran Daud (kiri), manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bergambar ramai semasa melawat rumah salah seorang penerima anak kunci rumah iaitu Awang Shahrin bin Haji Ibrahim @ Sharbini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan melawat rumah salah seorang penerima anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu iaitu Dayang Evy Pollena @ Norbatrisyia Imanina binti Abdul Razak (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama keluarga penerima anak rumah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat rumah Awang Hazwan bin Haji Tahir yang merupakan salah seorang penerima anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu dan seterusnya baginda berkenan menerima junjung ziarah bersama para penduduk di sekitar kawasan berkenaan (kiri, atas dan bawah).

>> Muka 7

Rakyat baginda amat bertuah dengan kepimpinan baginda yang terus menerus memberikan keprihatinan dan pemedulian terhadap kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat di negara ini. Ianya jelas terbukti dengan adanya penyediaan perumahan yang selesa, mampu milik dan mampu khususnya melalui Skim Perumahan Negara.

Keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini secara langsung membuktikan komitmen kerajaan Kebawah DYMM dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan

serta mampu dimiliki selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Dari rumah Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Kebawah DYMM dijunjung berangkat melawat beberapa buah rumah penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu iaitu Awangku Mohammad Sah Doney bin Pengiran Daud di Lot 82255, No. 20, Simpang 30-22, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu; dan Awang Hazwan bin Haji Tahir di Lot 82190, No. 22, Simpang 30-14, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu.

Ini kemudian disusuli ke kediaman Dayang Evy Pollena @ Norbatrisyia Imanina binti Abdul Razak di Lot 82206, No. 21, Simpang 30-14, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu; dan Awang Hazwan bin Haji Tahir di Lot 82190, No. 22, Simpang 30-14, Jalan Ambin Selatan Perumahan Negara Kampung Lugu.

Setakat Julai 2024, Jabatan Kemajuan Perumahan telah menghasilkan sejumlah 31,145 buah rumah dan lot tanah.

Pada 25 Mei 2024, sejumlah 1,000 unit rumah teres Unit Teres Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2 telah siap sepenuhnya dibangunkan di atas tapak seluas 165 hektar yang

Kampung Lugu.

dilengkapi dengan prasarana asas seperti bekalan api elektrik, air serta jalan raya.

Keluasan lantai bagi setiap

unit rumah adalah 122.42 meter persegi dan setiap unit rumah mempunyai empat buah bilik tidur, ruang tamu, dapur, ruang makan serta ruang utiliti dan tiga buah bilik mandi.

Konsep yang diterapkan di dalam pembinaan unit teres ini adalah menjurus kepada konsep *green building* iaitu bagi sama-sama menyahut inisiatif kerajaan dalam mempromosikan gaya hidup yang lestari dalam usaha untuk mengurangkan jejak karbon di negara ini melalui Protokol Hijau.

SEKITAR lawatan baginda ke rumah-rumah penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu (kiri, kiri sekali, bawah kiri dan bawah kanan).



BRUNEI DPMM FC, TANJONG PAGAR UNITED FC KONGSI MATA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kanan dan kanan sekali).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Pasukan Brunei DPMM FC terlepas peluang untuk mengutip 3 mata penuh apabila terpaksa berkongsi mata dengan Tanjong Pagar United FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL), yang berkesudahan seri 1 - 1 pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Separuh masa pertama menyaksikan Brunei DPMM FC mulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan kepada Tanjong Pagar United FC melalui serangan bertali arus menggegarkan pertahanan lawan.

Brunei DPMM FC lebih awal memecah gawang apabila pemain Tanjong Pagar United FC, Faizal Roslan membuat kesilapan dengan menjaringkan gol ke gawang sendiri pada minit ke-30.

Meskipun Brunei DPMM FC mengawal permainan dengan bijak dan hampir sahaja menggandakan jaringan, namun sering tersasar dari gawang gol.

Ketinggalan 0 - 1, Tanjong Pagar United FC menggandakan usahanya untuk menyamakan kedudukan namun benteng pertahanan kuat Brunei DPMM

FC gagal dibolosi dan kedudukan kekal sehingga wiesel separuh masa pertama dibunyikan.

Perlawanan semakin rancak pada babak kedua apabila kedua pasukan mula bertindak ganas dengan berbalas serangan demi serangan.

Tanjong Pagar United FC yang bermain dengan semangat baharu, berjaya merapatkan kedudukan menjadikan 1 - 1 menerusi Salif Cissé pada minit ke-66.

Brunei DPMM FC terus menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menambah jaringan dan memberikan tekanan kepada Tanjong Pagar United FC, namun masa tambahan gagal dimanfaatkan kedua-dua pasukan untuk menambah jaringan dan kedudukan kekal seri 1 - 1 sehingga wiesel penamat dibunyikan.

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC kini berada di tangga ke-6 dengan 13 mata.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan Brunei DPMM FC menentang Balestier Khalsa FC pada Jumaat, 13 September 2024 bertempat di Stadium Jalan Besar.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Tanjong Pagar United FC pada perlawanan berkenaan (atas, atas kanan dan bawah). Sementara gambar kanan, antara yang hadir menyaksikan dan memberi sokongan kepada para pemain pada perlawanan tersebut.



DPMM FC TEWASKAN MS ABDB, 2 - 1

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Ahad, 1 September. - Pasukan DPMM FC meraih tiga mata penuh setelah menewaskan pasukan MS ABDB pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024, yang berkesudahan 2 - 1.

Perlawanan berkenaan berlangsung petang tadi di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024. Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia.

Juga berangkat menyaksikan, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai pasukan DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

Pada perlawanan tersebut, pasukan MS ABDB berada di depan yang dihasilkan menerusi jaringan 51301 Sld Muhammad Hariz Danial bin Haji Khalidien pada minit ke-44.

Namun, pada separuh masa kedua perlawanan, pasukan DPMM FC terus bangkit apabila Sergio Mendiguchia Iglesias berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-69 dan sekali gus menjaringkan gol kedua beliau pada minit ke-73 dengan membawa kemenangan kepada pasukan DPMM FC.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024. Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia.



TURUT berangkat menyertai pasukan DPMM FC, anakanda DYTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (kiri). Manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan di antara pasukan DPMM FC menentang pasukan MS ABDB.

'Keindahan Berselawat' semarakkan Malam Munajat



MALAM Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi bagi kali ke-149. Turut menyertai, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 September. - Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi bagi kali ke-149 dan minggu ini mengundang Ketua Unit Kemasyarakatan, Majlis Belia Brunei (MBB), Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad, yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Masjid Ash-Shaliheen.

Turut mengimarahkan acara Malam Munajat berkenaan ialah ahli MBB, Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah dari Masjid Ash-Shaliheen, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat

Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri, Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria; Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong; serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang semuanya berjumlah 71 buah di seluruh negara.

Juga menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga serta individu yang hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-

ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim, dari Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran (Tarannum), Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya, dari Masjid Ash-Shaliheen.

Menyerikan lagi Malam Munajat berkenaan ialah tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah

Pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baharu

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil untuk dilantik menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Ahad, 27 Safar 1446 Hijrah bersamaan 1 September 2024 Masihi.

■ Siaran dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa, dari Masjid Ash-Shaliheen.

Pengisian tazkirah antara lain mengenai keindahan berselawat menyatakan rasa cinta kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selaku Qudwah dan penunjuk jalan yang benar serta kekasih Allah Subhanahu Wata'ala yang tiada tandingannya.

Oleh itu, raihlah peluang untuk sama-sama membabsih lidah untuk berselawat agar segala hasrat dan impian dapat dicapai serta mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala ju.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat IV, JHEM, Awang Mohd. Hizbulah bin Haji Mohd. Noah, dari Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong.

Sebelum mengakhiri acara, Doa

Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Pengiran Haji Md. Salleh bin Pengiran Haji Zakaria, dari Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwel Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Riad Bazou dan Director of International Affairs, Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Mohamad Abdallah El Moghrabi (atas dan kiri).

Sheikh Riad Bazou dan Director of International Affairs, Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Mohamad Abdallah El Moghrabi.

Hadir sama pada majlis tersebut yang diadakan di Bilik Dhiyafah,

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Riad Bazou dan Director of International Affairs, Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Mohamad Abdallah El Moghrabi (atas dan kiri).

Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwel Ugama, Jalan Dewan Majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Ketua

Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Dayang Rosyanti binti Haji Lamat.

Kunjungan hormat tersebut antara lain membincangkan berkenaan hal ehwel Islam antara kedua-dua belah pihak.

Financial Fun Fair ketengahkan pengetahuan pengurusan kewangan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Hazraie Pg. Haji Nikman



JERUDONG, Sabtu, 31 Ogos. - Financial Fun Fair berlangsung selama dua hari bermula hari ini hingga esok dengan menawarkan pelbagai aktiviti-aktiviti interaktif sesuai untuk seisi keluarga yang direka untuk mempromosikan kemahiran dan pengetahuan penting berkaitan pengurusan kewangan, seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan, dan perlindungan pengguna kewangan.

Selain itu, acara juga dimeriahkan dengan persembahan-persembahan oleh Tatu Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Relentless Entertainment dan persembahan komedi.

Di Fun Fair tersebut, juga terdapat peniaga-peniaga yang menjual makanan dan minuman bagi orang ramai yang datang berkunjung.

Sehubungan itu, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. petang tadi melancarkan acara Financial Fun Fair BDCB Ke-5 bertempat di Jerudong Park Colonnade, di sini.

Acara turut dianjurkan oleh beberapa organisasi sebagai Rakan Emas termasuk Baiduri Bank; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); The Great Eastern Life Assurance Company Limited; MoneyMatch; National Digital Payments Network (ndpx); Progresif Sdn. Bhd.; Standard Chartered Brunei; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn Bhd (IITFT) dan

Takaful Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan acara tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir sama, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK); Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB dan Timbalan Pengerusi MKCK; Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar; Ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB; Ahli-ahli MKCK serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan; ketua-ketua pegawai eksekutif dan pengarah-pengarah urusan institusi-institusi kewangan di negara ini.

Dalam ucapan aluan-aluan tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan pentingnya celik kewangan dalam pembangunan negara dan sebagai kunci kepada kebebasan kewangan dengan membolehkan orang ramai mengurus kewangan mereka dengan bijak, mengelakkan hutang berlebihan, dan membuat keputusan kewangan yang baik dalam kehidupan seharian.

"Celik kewangan juga membantu perniagaan untuk berkembang, mencipta peluang pekerjaan, dan melabur dengan bijak," jelas Yang Berhormat.

Ini katanya boleh menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan inovasi sambil mengurangkan pengangguran dan meningkatkan daya tahan perniagaan dan individu terhadap ketidakpastian ekonomi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai tema Financial Fun Fair iaitu 'Celik Kewangan Digital', yang bertujuan untuk memperkasakan individu dan keluarga dengan kemahiran penting untuk menggunakan perbankan dalam talian, transaksi digital, dan keselamatan siber dalam era digital



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Financial Fun Fair dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluannya (atas dan atas kiri). Turut hadir Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK).

masa kini.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menyampaikan penghargaan beliau kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam menjayakan Fun Fair ini atas komitmen mereka dalam mempromosikan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab.

Majlis turut menyaksikan pelancaran aplikasi mudah alih BDCB Baharu, yang telah dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis.

Kini tersedia di Google Play Store, aplikasi mudah alih ini menawarkan pelbagai ciri interaktif yang direka untuk meningkatkan akses kepada sumber-sumber yang disediakan oleh BDCB.

Para pengguna boleh mengakses bahan-bahan komunikasi terkini dari BDCB dan senarai entiti yang dilesenkan oleh BDCB; Alert List BDCB; dan Baki Wang Yang Tidak Dituntut.

Aplikasi ini juga mengandungi beberapa kalkulator kewangan yang praktikal untuk membantu pengguna menguruskan kewangan mereka dengan lebih berkesan.

Selain itu, ia juga memaparkan maklumat mengenai ciri-ciri

keselamatan mata wang Brunei yang bertujuan untuk membolehkan orang awam untuk mengenali mata wang tulen dan membezakannya dengan mata wang palsu.

Versi iOS bagi aplikasi ini akan dilancarkan dalam masa terdekat dan akan diumumkan melalui

saluran-saluran rasmi BDCB.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif BDCB dalam mempromosikan Celik kewangan, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn dan ikuti BDCB di Instagram melalui akaun [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyaksikan pelancaran aplikasi mudah alih BDCB Baharu.

BKS TARIK PENGGEMAR AUTOMATIF

Oleh : Nurul Rasyidah
Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji
Duraman



JERUDONG, Sabtu, 31 Ogos. - Borneo Kustom Show (BKS) menganjurkan pameran kereta dan motosikal yang bertemakan 'Back to our roots' berlangsung di BRIDEX Hall 2, Jerudong, hari ini.

Acara selama dua hari bermula hari ini hingga 1 September 2024 merupakan Edisi Ke-7 di mana lebih daripada 100 buah kereta dipamerkan termasuk penyertaan dari antarabangsa iaitu dari negara Malaysia, Thailand, Singapura dan Indonesia.

Perasmian acara disempurnakan



oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku tetamu kehormat, juga

diikuti dengan pelancaran Brunei 1st official die-cast dan Kristal On-The-Go Mobile Studio.

Awang Asmalee Haji Ariffin selaku wakil pihak BKS ketika ditemui



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan Borneo Kustom Show (BKS) dan seterusnya menyaksikan pameran kereta (atas dan kiri). Manakala gambar kiri sekali, Awang Asmalee Haji Ariffin selaku wakil pihak BKS ketika berucap.

mengongsikan tujuan acara kali ini memfokuskan kepada bakat-bakat tempatan seiring dengan usaha pihak BKS untuk menjadikan ia sebagai platform dalam membantu para belia dan usahawan yang terlibat.

Tetamu kehormat seterusnya

menyaksikan pameran kereta dan reruai yang ikut serta pada acara tersebut. BKS menggabungkan pameran koleksi kereta, motosikal serta barang aksesori kenderaan menarik para pengunjung terutama mereka yang gemar dan meminati bidang berkendaraan.

Mesyuarat Agung Tahunan kongsi perkembangan, aktiviti Rabitah



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 September. - Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-4 bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Mesyuarat Agung yang diadakan setiap dua tahun sekali berkenaan

RA'ES Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof semasa hadir pada Mesyuarat Agung Kali Ke-4 bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (kiri dan kanan).



Lela Haji Mohd. Yusof, serta Ahli Jawatankuasa (AJK) Eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiyah dan doa dipimpin oleh Ahli Rabitah Alumni al-Azhar Brunei Darussalam, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani, diikuti dengan ucapan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Mesyuarat Agung Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam Kali Ke-4, Awang Muhammad Adham bin Hashim.

Acara diteruskan lagi dengan pelancaran Sautur Rabitah edisi Ke-2 oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, 1444 hingga 1445H yang juga seterusnya mempergerusikan Mesyuarat Agung.

Sautur Rabitah edisi Ke-2 berkenaan memilih untuk diterbitkan dalam bentuk fizikal dan secara maya bagi memudahkan lagi akses dan capaian.

Ini termasuklah penerbitan Sautur Rabitah edisi pertama secara fizikal sebagai lakaran catatan yang akan disimpan dalam arkib Rabitah dan dimanfaatkan oleh pembaca.

Majlis diteruskan dengan acara utama bermula dengan meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-3 Rabitah

Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam. Pembentangan laporan program dan aktiviti disampaikan oleh Setiausaha Agung Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bagi sesi 1444 hingga 1445H, Awang Haji Abdussalam bin Haji Abd. Rahman

Majlis Mesyuarat Agung Kali Ke-4 berkenaan seterusnya menyaksikan pembubaran

Jawatankuasa Eksekutif bagi tahun 1444 hingga 1445H dan diselanjurkan dengan pelantikan Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang baharu bagi penggal 1446 hingga 1447H

Majlis diakhiri dengan ucapan ringkas dan penangguhan daripada salah seorang wakil AJK Eksekutif baharu dan bacaan Surah Al-Ashr serta Tasbih Kaffarah al-Majlis secara beramai-ramai.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

TANAM POKOK MERAIKAN ULANG TAHUN PENUBUHAN PERBADANAN TAIB



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; Pengarah Urusan IITHSB, Awang Edzwan Zukri bin Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan dan Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Mohd. Yusreza bin Haji Mohd. Yussin semasa bergambar ramai pada Aktiviti Penanaman Pokok berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 31 Ogos. - Bersempena dengan Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) Ke-33 Tahun, Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) telah menganjurkan Aktiviti Penanaman Pokok di Taman Rekreasi Menteri Besar, Jalan Menteri Besar, Berakas, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang

Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; Pengarah Urusan IITHSB, Awang Edzwan Zukri bin Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan dan Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Awang Haji Mohd. Yusreza bin Haji Mohd. Yussin.

Lebih daripada 150 kakitangan daripada Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya telah menanam 33 Pokok Eugenia, termasuk Melaleuca Linariifolia 'Claret Tops'. Acara dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan penyampaian taklimat keselamatan.

Kemudian acara diteruskan dengan aktiviti bersenam, diikuti dengan acara Walkathon sejauh 1 kilometer dan berakhir di kawasan khemah terletak berhampiran dengan kawasan penanam pokok.

Sebelum Acara Penanaman Pokok, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah menyampaikan ucapan alu-aluan. Aktiviti tersebut menunjukkan komitmen berterusan Perbadanan TAIB terhadap amalan mampan dalam memupuk masa depan yang lebih sihat dan hijau.

Projek Donate Your Boots for Roots dilancarkan



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Sabtu, 31 Ogos. - Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong buat julung kalinya bekerjasama dengan Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) dalam menjayakan sebuah program jangkauan masyarakat iaitu Indahnya Berbagi Menuai Berkah dengan membawakan tajuk Projek Donate Your Boots For Roots.

Projek Donate Your Boots For Roots adalah sebuah inisiatif untuk membantu golongan sasaran dengan mengumpulkan kasut-kasut bola daripada orang ramai di kotak-kotak donasi yang telah ditetapkan

di kesemua daerah.

Selain itu, ia adalah untuk mendukung Matlamat Pembangunan Mampan negara iaitu yang memfokuskan kepada SDG 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan yang baik, SDG 4 : Pendidikan yang berkualiti dan SDG 13 : Perubahan Iklim.

Orang ramai boleh mula menyumbangkan kasut-kasut bola yang baharu atau yang terpakai di kotak-kotak donasi yang diletakkan di kesemua daerah iaitu bagi Daerah Tutong di Kompleks Sukan Tutong, bagi Daerah Brunei dan

PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat pada Projek Donate Your Boots For Roots.

Muara di Ruang Galeri Sukan, bagi Daerah Temburong di Kompleks Sukan Temburong dan bagi Daerah Belait di Kompleks Sukan Mumong bermula 31 Ogos sehingga 15 November 2024.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Donation Drop Box Projek Donate Your Boots For Roots telah diadakan pagi tadi dan dilancarkan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Acara juga diselanjurkan dengan penyerahan kotak-kotak donasi kepada keempat-empat perwakilan daripada empat daerah dan seterusnya penyampaian penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang sama-sama memberi sokongan dalam menjayakan projek berkenaan.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

IHP Julai 2024 menurun 0.4 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Bagi bulan Julai 2024, Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding bulan Julai 2023.

Ini adalah didorong oleh penurunan bagi indeks Bukan Makanan sebanyak 0.6 peratus, manakala indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.6 peratus.

Penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh harga-harga Pengangkutan (1.8 peratus), berikut penurunan bagi harga kenderaan dan tiket penerangan; dan Perhubungan (2.8 peratus), khususnya caj perkhidmatan internet.

Sementara itu, peningkatan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh kenaikan harga Minuman Ringan (5.5 peratus), khususnya minuman yang sedia untuk diminum; dan harga Susu, Produk Tenuus dan Telur (1.5 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Julai 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus




Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes

جباٰن فرائچن ايكونومي دان ستاتيسيتك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA

JULAI 2024





Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
17 September 2024

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Menaiktaraf Dan Pembangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas
– Fasa 2 – Annex Louvers Works

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
BMR / SH / SSF/ 01 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Membina Garaj Kereta Beratap Di Biro Mencegah Rasuah

Tarikh Tutup :
Selasa,
10 September 2024



Makluman Tarikh Lanjutan

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :

31 Julai 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa
10 September 2024
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan :

Selasa
17 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:

JKR / DOR / SRM 13 / 2024

Nama Projek:
Meningkatkan Tahap Keselamatan Jalan Raya

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)



Unit Pengurusan Aset Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Tawaran:
JPM / PPB / QTN /
PKBRIDEX2024 / OGS

Tawaran :
To Supply, Deliver and Install Exhibition Booths & Display For Pesta Kerja 2024 At Bridex International Conference Centre, Jerudong

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Dibayar melalui BIBD Online

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
10 September 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
02 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Tawaran Kerja-Kerja Pemeliharaan Bangunan Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Selama 12 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 September 2024,
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

DAERAH TEMBURONG

Kampung Senukoh,
Mukim Labu

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung yang tersenaraikan di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh **didapati** dan **dikembalikan** ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 29 Rabiulakhir 1446 bersamaan 2 November 2024, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

**KAMPUNG-KAMPUNG
TADAHAN JAWATAN KOSONG
KETUA-KETUA KAMPUNG,
DAERAH TEMBURONG**

**KETUA KAMPUNG SENUKOH,
MUKIM LABU
- KAMPUNG SENUKOH**



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Drafting Services
For Preparation Of Tender Documentation For Upgrading Electric Supply

At Tapak Ternakan Udang Laut, Kg Keramut, Tutong

Tarikh Tutup :
Khamis,
19 September 2024



JPt / TAW / 11 / 2024 – 2025 :

Supply And Deliver Of One (01) Unit New Passenger Van For The Department Of Agriculture And Agrifood.

Yuran Tawaran :
BND10.00

Borang Tawaran :
BND15.00

Tarikh Tutup :
Selasa,
8 Oktober 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.





1. DA / JKSH / 69 / 2024 / 2025
[AKS-SEPT-2024]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi

Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

TEMPOH PERKHIDMATAN: 60 BULAN

2. DA / JKSH / 70 / 2024 / 2025
[AKS-SEPT-2024]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera



1. Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 08 / 2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga :
Renovation, Fabrication And Installation Of Cabinets And Other Related Works At Ministry Of Primary Resources And Tourism Building

Tarikh Tutup Sebut Harga :
19 September 2024,
Khamis
Jam 2.00 Petang

2. Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01 / 2024 – 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And Install Vehicle Parts For Department Of Administration And Finance, Ministry Of Primary Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
19 September 2024,
Khamis
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Katok B, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

TEMPOH PERKHIDMATAN: 60 BULAN

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
14 September 2024
(Jam 9.00 Pagi)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V, VI

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
1 Oktober 2024

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 29 / CQS / 2024-T / V

Nama Projek:

Projek Pembinaan Dua Belas (12) Buah Rumah Bantuan Di Daerah Tutong Zon A

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan :
Kerani

Tangga Gaji :
D.1-2-3 EB.4-5
[BND530 - BND1,625]



i Nama Projek :
Three (3) Years Term Contract for General Maintenance Works at RPN Kg Rimba (Zone B) In Brunei-Muara District, Negara Brunei Darussalam.

ii Bil. Projek :
JKP / 04 / 2024

Tarikh Buka Tawaran:
26 Ogos 2024 (Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran :
10 September 2024
(Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tarawan Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



Kekosongan :
5 Orang

MENGHADAPKAN
BORANG PERMOHONAN
BAGI PEMOHON YANG TIDAK
BERKHIDMAT DENGAN
KERAJAAN

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/Kerani2024UBD>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap tidak lewat 17 September 2024.

BAGI PEMOHON YANG
BERKHIDMAT DENGAN
KERAJAAN

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/Kerani2024UBD>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap

tidak lewat
17 September 2024.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

KEPADА:

**PEJABAT SUMBER TENAGА
MANUSIA**
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK, GADONG
BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[U.P: BAHAGIAN
PENGAMBILAN]

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.



Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

سردلة سري

اداب بریجارا دالم إسلام

مقصودن:

اكو منجامين سواه رومه دتفى شرك باکي سسياف يع منيغكلن
فردين والآوفون دي ديفيق يع بنر. {حديث رواية إمام أبو داود}

كلافن: منجاك رهسيا، سسوغكورهن منجاك رهسيا ايت ترماسوق أمانه يع
واجب اونتوق دجاجك. سساورغ يع معيحياني أمانه دان فربواتن ترسبوت
ترمسوق كدام كالعن اورغ-اورغ يع معيحياني أمانه دان فربواتن ترسبوت
مروفاكن ساله ساتو دري صفة اورغ-اورغ منافق.

جماعه يع درجمتي الله،
دالم سواه حدديث يع دروايتكن اواليه إمام ترمذى، اد تپك كولوغن يع

فالیغ دینجی رسول الله ﷺ افیل مربیک بریجارا، یایت:
فرتام: الشَّرَّائِزُونْ یایت کولوغن يع برجاجکش ساوله-اوله میلیقی کشنداين تنتع
اٹ يع دکاتاکن تناپی حقیقتن تیدق، اتاو جاکش برجالا-جلاء يع تیدق
برفائده. مربیک این بیاسان سوك منجله فرجاکشن اورغ لاین دان کمر
معواسیای فربوالن تنشا میری رواغ کفڈ اورغ لاین اونتوق برجاجکش.

کدوا: الشَّشَّائِلُونْ یایت کولوغن يع سوك برجاجکش دعن کای يع مرندھکن
اناو مریمھکن اورغ لاین.

کیک: الشَّمَّاهِمُونْ یایت کولوغن يع بیلا برجاجکش، سوك برجریتا تنتع دبرین
سهاج اونتوق منوچولکن دبرین لبیه دري اورغ لاین.

فته جوک اد مغاتکن "تلراجق فراهو بولیه داؤندور، تلراجق کات
بوروق فادهن". جوسزو، برهاتی-هاتیک کتیک منوتورکن کات، جاکله
اداب دان یایتکا کتیک بریجارا دعن سسياف قون، بایك ترهاذف اورغ توا،
مودا اتاوون کانق-کانق. فستیکن کيت منوتورکن کات-کات يع بایك،
برلمه لمیوت دان بربودی بهاس.

آخرین، ماریله کيت سام-سام مغکوناکن نعمت بریجارا يع
دکورنیاکن اواليه الله ﷺ ایتکا اونتوق کیاکن دان بوکن مغکوناکن کاره
فرموسوهن دان فرقجهن، سام-سامله کيت برداعه سموک الله ﷺ ملیندوغی کيت دري ملاطفنکن کات-کات يع بولیه منداغنکن دوسا. آمين يا
زب العالین.

تفسیرن:

مک کامو کاتاکن کفدن کات-کات يع له-لمیوت، موده-مودهن دی
برایشت (سدر) اتاو تاکوت (کفڈ توهن). {سورة طه آية: ٤٤}

باڑک الله لئا في القرآن العظيم، وَنَعْمَلُ بِالْأَيَّاتِ وَالدَّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقْلِيلُ مِنَ
تَلَوِّثِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا جَنَّةَ
الثَّائِبِينَ.

ملاینکن دسیسین اد ملائکة فقاوس يع سدیا (مجاھتن).

جماعه يع درجمتي الله،
ادفوں انتارا اداب دان یایتکا يع مسني دجاجك کتیک بریجارا ایت،
انتاران ایاله:

فترام: برسوون ستون، این کران براداب سوون بوکن هان دري فرلاکران دان
فربوان تناپی جوک دري توتور کات يع بایك. مک کوناکنه بهاس يع سوون
دان لمیوت کتیک بریجارا. درقد عالشه ﷺ، رسول الله ﷺ
برسیدا: إِنَّ الرِّفِيقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يُنَزِّعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ.

مقصودن:

سوغکوکه، سکل سسواتو يع دهیاسی کلمبوتن اکن غفق یاینده.
سبالیکن، تتفا کلمبوتن سکل سسواتو اکن غفق تروق. {حديث رواية إمام
مسلم} کدوا: مغورغشکن فرکاتان يع بایك اتاو دیام. درقد أبو هریرة ﷺ، رسول
الله ﷺ برسیدا يع برمقصود: بارغسیاف بریمان کفڈ الله دان هاري
آخر، مک برکاتله يع بایك دان جلک تیدق، مک دیامله. {حديث رواية إمام
مسلم}

کتیک: منجاوهي اومفت دان فنه.

کامقت: تیدق بردوستا، دوستا يع دعقمصود کن اداله مبمقیکن خبر اتاو بریتا
یع تیدق بنر. سلاین ایت، بردوستا مروفاکن فربواتن يع دافت میداوا فلاکون
کتراک. درقد عبدالله بن مسعود ﷺ، رسول الله ﷺ برسیدا يع
برمقصود: دان جاوهیله اواليه کامو بربوات دوستا، کران دوستا ایت میاوا
سساورغ کفڈ کجاھن، دان کجاھن مغہنترکن سساورغ ایت کتراک. دان
جلک سساورغ سستیاس بردوستا دان میلیه کدوستان مک اکن دجات دسیسی
الله سبکی فندوستا (قبوهوغ). {حديث رواية إمام ترمذى}

کلیم: مغہندری فرکاتان يع کاسر، بوروق دان قنوه کینجیان. رسول الله ﷺ
صلی اللہ علیہ وسلم سنتیاس منکنکن اکر کيت منجاوهي فریلاکو کحی دان برکات
کاسر. درقد عبدالله بن مسعود ﷺ، رسول الله ﷺ برسیدا يع
برمقصود: سساورغ مؤمن ایت بوکنله اورغ يع سوك منجله، سوك ملعنة، سوك
برفریلاکو کحی دان سوك برکات کاسر. {حديث رواية إمام ترمذى}

کام: مغورغشکن دان مغہندری دري بایق برجاجکش دان حال-حال يع تیاد
برمنفعه دان سیا-سیا کران بایق برجاجکش بولیه مبیکن سساورغ ایت
ملاکوکن دوسا تتفا دساري.

کنوچوھه: منیغکلکن فردين والآوفون کيت برادا ديفيق يع بنر. درقد أبو امانه
الباهلي ﷺ، رسول الله ﷺ برسیدا: أَنَا زَعِيمٌ بَيْتٌ فِي رَبْضِ الْجَنَّةِ
لِمَنْ تَرَكَ الْإِرْءَاءُ وَإِنْ كَانَ حَمْقًا.

جماعه يع درجمتي الله،

برنقوی له کيت کحضرۃ الله سبکانه وتعال دعن منیغکنکن کلماں کفدن.
سستیاسن اورغ يع فالیغ ملیا دسیسی الله سبکانه وتعال ایت ایاله اورغ يع فالیغ
برنقوی. موده-مودهن کيت منجادی إنسان يع سنتیاس معایشی الله
سبکانه وتعال، بر او له کحیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

الله سبکانه وتعال برفرمان دالم سورة الرحمن آية ٤-٥؛

تفسیرن:
(الله) يع مها فمورة، دی يع تله مغاجرن فنديا برکات-کات.
مأنسی، دی يع تله مغاجرن فنديا برکات-کات.

جماعه يع درجمتي الله،

بریجارا اتاو برکات-کات اداله ساله ساتو جارا کيت برھویغ
اتاوفون برکومونیکاسی. اي مروفاکن انتارا نعمت ترسیر يع الله سبکانه وتعال
انوکرھکن کفڈ مأنسی. نعمت فنديا برکات-کات يع دکورنیاکن الله
سبکانه وتعال کفڈ کيت این امت بسر نیلاین دان کيت واجب منشکورین.

سباکی اورغ إسلام، کيت هنادله سنتیاس منجاك اداب دان یایتک
کتیک بریجارا اتاو برکات-کات داچارکن اواليه نبی محمد ﷺ. این
کران تیدق سدیکیت اورغ بردوسا کران تیدق مغاول توتور کاتن. بکیتو
جوک ادا يع ترجل اکارا توتور کات دان بریجارا يع تیدق ترکاول. اوله سبب ایت،
رسول الله ﷺ دالم حیثیتے کفڈ کيت دکورنیاکن الله ﷺ جامین بھاوا اورغ-اورغ يع
دافت منجاك دان مغاول لیستن، مک کنجارن اداله شرك. درقد سہل بن
سعد ﷺ، درقد رسول الله ﷺ، بکیندا ﷺ برسیدا: مَنْ يَضْمَنْ لِي مَا بَيْنَ حَبَّيْهِ وَمَا بَيْنَ رَجَلَيْهِ أَضْمَنْ لَهُ الْجَنَّةَ.

مقصودن:
سسیاف يع دافت منجامن کفڈکو اٹ يع اد انتارا تولغ داکون
(مولوت دان لیده) دان اٹ يع اد انتارا دوا کاکین (كمالوان)، مک اکو بری
کفڈن جامین ماسوق شرك. {حديث رواية إمام بخاري}

ایغتلہ سودارا، تیاد ساتوونون فرکاتان يع ترکلوار دري مولوت دان لیده
کيت يع اکن ترلقس دري جاتان الله سبکانه وتعال. سوا يع کلوار دأوچکن،
سمادا کبوروون سقرتی دوستا، مغومت، مفتنه، برکات کحی اتاو اوجفن يع
میاوا کیاکن دان منفعه سقرتی نصیحة دان برڈکر ملاینکن سموان ادا دسیسی
ستیاس کيت ملاکة يع سیاف سدیا مغاول دان منجات سکل-کلن. فرمان
الله سبکانه وتعال دالم سورة ق آية ١٨؛

تفسیرن:
تیدق اد فرکاتان يع دلفظکن (اتاو فربواتن يع دلاکوکن سساورغ)

TINGKATKAN KEFAHAMAN, PENGETAHUAN MENGENAI AKIDAH ISLAM



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Sabtu, 31 Ogos. - Seramai 65 orang terdiri daripada para mualaf di Daerah Tutong menyertai Program Tarbiyah Bersama Muallaf sempena Ilal Hijrah Tahun 1446H / 2024M dengan taklimat bertajuk 'Menjauhi Amalan Khurafat dan Tahayul'.

Taklimat diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, pagi tadi.

Fasilitator jemputan bagi taklimat berkenaan merupakan Pegawai Unit Kawalan Akidah dan Penyelidikan, Bahagian Penguasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman.

Program Tarbiyah Bersama Muallaf adalah salah satu Program Tarbiyah Semasa anjuran Pusat Da'wah Islamiah, KHEU melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah-Daerah.

Program bertujuan untuk memberikan kesedaran, pendedahan dan panduan kepada mualaf tentang akidah Islam agar para mualaf sentiasa berpegang teguh dengan akidah menurut ajaran Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dari Islam yang sebenar.

Di samping itu, dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan saudara-saudara baharu mengenai amalan khurafat dan tahayul agar kepercayaan tersebut dapat dihindari dan ditinggalkan.

Usaha tingkatkan kemahiran berbahasa Arab

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Bahasa Arab untuk Tenaga Akademik (Non-Arab) UNISSA.

Fasilitator jemputan ialah Profesor Nahla A Al-Saeedi merupakan wanita pertama dilantik sebagai Penasihat Sheikh Al-Azhar di Republik Arab Mesir. Beliau turut memegang dua jawatan penting sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam Al-Azhar dan Pengarah Markaz Tathwir (Pusat Pengembangan Pelajar dan Mahasiswa Antarabangsa Al-Azhar).

Antara tujuan bengkel ini

dihadarkan agar menjadi wadah untuk membantu tenaga pengajar mengintegrasikan bahasa Arab dalam kurikulum pengajaran mereka dengan lebih efektif serta memberi ruang bagi saling bertukar-tukar pendapat dalam menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab lebih menarik, mudah dan berkesan.

Turut hadir, Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik), Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Samsu; Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah

SESI bergambar ramai pada Bengkel Pengukuhan Bahasa Arab.

binti Haji Abdullah; Pengarah Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Dr. Hajah Siti Jariah @ Hajah Aleya Fatehah binti Haji Japar serta 30 orang tenaga akademik Non-Arab, UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Dengan adanya bengkel seumpama ini ia dapat meningkatkan kualiti pengajaran para tenaga akademik Non-Arab,

UNISSA bagi memastikan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang membanggakan.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Awasi Pergaulan Anak-anak'. Tarikh Tutup : **4 September 2024**
2. 'Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks'. Tarikh Tutup : **11 September 2024**
3. 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : **18 September 2024**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PROGRAM PERKAMPUNGAN KEPANDUAN TAHUN 2024 : MENINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PANDU PUTERI



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup Program Perkampungan Kepanduan Tahun 2024.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 September. - Program Perkampungan Kepanduan Tahun 2024 yang diadakan selama dua hari berakhir hari ini dengan majlis penutup yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah

Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim. Majlis petang tadi mengumumkan pemenang Kategori Pandu Puteri Terbaik Keseluruhan disandang oleh Dayang Sara Mar Iyah binti Mohd. Sufri dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH) di samping penerima kategori yang lain

Program Perkampungan yang bertemakan 'Unlock The Adventure of Girls' berkenaan telah disertai oleh seramai 16 guru sekolah

rendah serta 59 Pandu Puteri sekolah menengah dan Pandu Puteri Renjer dari Pusat Tingkatan Enam (PTE).

Dengan adanya program seumpama berkenaan diharap para peserta dapat meningkatkan kemahiran berfikir, berkomunikasi dan memupuk semangat berkolaborasi sepetimana objektif program berkenaan diadakan.

Selain itu juga, ia juga diharapkan dapat menimba ilmu kepanduan dan membentuk keyakinan para peserta dalam pelbagai kemahiran.

Pelbagai aktiviti yang diungkayahkan bagi Pasukan Pandu Puteri dan Pandu Puteri Ranjer seperti Leadership Mindset dan Tech Changemaker. Manakala, guru-guru baharu pula didedahkan dengan pelbagai sudut kemahiran berkenaan dengan Pandu Puteri Tunas, iaitu sudut kraf tangan, Kims Game, moral of the story, lagu kepanduan, simpulan dan ikatan, isyarat sulit dan kawad istiadat Pandu Puteri.

Perkampungan berkenaan merupakan satu kaedah pembelajaran informal dengan sistem berkumpulan bagi mengembangkan pengetahuan dan kemahiran peserta selaras dengan program Pandu Puteri, Pandu Puteri Renjer dan Pandu Puteri Tunas.

Program pada tahun ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori Pandu Puteri dan Pandu Puteri Renjer yang terdiri daripada para pelajar Pandu Puteri peringkat sekolah menengah, maktab dan PTE kerajaan dan swasta.



TETAMU kehormat semasa menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada salah seorang peserta.

Sementara kategori guru-guru sekolah rendah terdiri daripada guru-guru peringkat sekolah rendah kerajaan dan swasta yang belum menubuhkan Pasukan Pandu Puteri Tunas.

Adapun objektif utama program berkenaan antaranya adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keseronokan dan semangat para peserta dalam melaksanakan aktiviti Program Tunas Puteri.

Selain itu, ia juga diadakan bagi membina kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai Pandu Puteri Tunas dan

memberi peluang kepada para peserta untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan berfikir melalui aktiviti yang diikuti.

Program berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berkolaborasi dan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

Majlis penutup dan program perkampungan berkenaan dianjurkan bersama oleh Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dengan Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Jerayawara barigakan maklumat ASEAN



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Sabtu, 31 Ogos. - Program Kenali ASEAN merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

Sehubungan itu, dalam hasratnya untuk membarigakan serta memberikan pendedahan

meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

Hadir pada taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Adimah binti Haji Said dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 200 pelajar Tahun 7 dan 8.

Antara lain taklimat dihasrat menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Kuiz Kenali ASEAN turut diadakan selepas penyampaian taklimat, diikuti dengan penyampaian hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut.



PROGRAM Kenali ASEAN dihadiri seramai 200 pelajar Tahun 7 dan 8 di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas sekali dan atas).



Purrfectly Green, makanan haiwan hasil anak tempatan

Rencana : Aimi Sani
Foto : Ihsan Purrfectly Green

KRISIS sisa makanan merupakan antara isu di seluruh dunia yang kurang mendapat perhatian meskipun sebenarnya semakin meruncing. Tanpa amalan pengurusan sisa yang efektif, sisa makanan berlebihan boleh mengundang ancaman kepada pencemaran alam sekitar juga penyakit.

Mungkin kebanyakan kita tidak terfikir bahwasanya sisa bahan-bahan makanan boleh dikitar semula menjadi sesuatu yang berfaedah. Berfokus kepada sisa-sisa makanan atau bahan mentah seperti sebahagian isi atau organ ayam yang tidak digunakan, Purrfectly Green mengetengahkan sisa makanan menjadi makanan haiwan peliharaan khususnya kucing.

Tercetusnya idea Purrfectly Green

Menurut Purrfectly Green, idea untuk menghasilkan makanan haiwan peliharaan khususnya kucing daripada sisa-sisa makanan atau bahan mentah seperti sebahagian isi atau organ ayam yang tidak digunakan adalah bermula semasa sesi Dialog Belia Matlamat Pembangunan Mampan kali Ke-2 (2nd SDG Youth Dialogue). Dialog berkenaan telah memfokuskan atau memberikan tumpuan bagi para belia khususnya peserta untuk menghasilkan projek-projek yang berkaitan dengan matlamat SDG 12 – Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (SDG 12 – Responsible consumption and production).

Purrfectly Green merupakan kumpulan di bawah kluster pengurusan sisa (*waste management*). Semasa sesi dialog semua ahli telah menyuarakan pelbagai idea dalam mengendalikan atau mengelola sisa makanan dengan baik. Antara idea yang dikongsikan oleh salah seorang ahli adalah menghasilkan baja organik daripada sisa makanan melalui proses kompos. Namun, penghasilan baja organik dari sisa makanan telah banyak dilakukan di Brunei.

Hasil daripada keseluruhan perbincangan, akhirnya semua ahli bersetuju untuk menghasilkan makanan haiwan peliharaan khususnya kucing kerana keunikannya. Menyedari akan ketiadaan atau kekurangan pengeluaran makanan haiwan tempatan di negara kita, berasa terpanggil untuk menjadi pengeluar makanan kucing tempatan dan menamakan produk mereka Purrfectly Green. Bukan sahaja pengeluar makanan haiwan tempatan, malah merupakan pengeluar makanan haiwan yang mesra alam (*eco-friendly*) dan mampan (*sustainable*) di Brunei.

Cabar dan kesukaran dihadapi

Pada peringkat awal projek pasti terdapat pelbagai kesukaran, antaranya adalah untuk mencari sisa-sisa makanan di industri-industri berkaitan. Sisa-sisa makanan yang digunakan dalam penghasilan makanan haiwan bukanlah sisa makanan yang sudah dimakan atau yang akan luput mahupun rosak. Pemilihan utama sisa makanan yang kami pilih adalah sebahagian daripada ayam, daging dan ikan yang tidak diproses oleh syarikat. Sebelum bahan-bahan ini dibuang ada baiknya diproses untuk menjadi makanan haiwan.

Setakat ini, produk mereka masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (*research and development* (R&D)). Jadi pada peringkat ini, antara cabaran dan kesukaran lain yang dihadapi adalah untuk menemui proses dan bahan-bahan yang diperlukan untuk mendapatkan penghasilan makanan kucing

yang optimum, stabil dan selamat untuk dimakan oleh haiwan-haiwan peliharaan.

Memilih makanan kucing

Setelah melakukan penyelidikan, Purrfectly Green mendapati bahwa penggunaan sisa makanan atau bahan-bahan yang tidak terpakai lalu menghasilkannya kepada makanan haiwan adalah merupakan satu trend di beberapa buah negara antarabangsa seperti Eropah dan Hong Kong. Amalan ini juga telah diterima masyarakat di luar negara kerana komitmennya dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Purrfectly Green memutuskan untuk menghasilkan makanan kucing kerana terdapatnya peluang yang unik untuk memenuhi kekurangan makanan haiwan tempatan di negara ini memandangkan di negara kita memelihara kucing sebagai haiwan kesayangan semakin meningkat dan juga kemunculan perkhidmatan haiwan seperti kedai-kedai haiwan peliharaan, *pet boarding*, dan *food banks* untuk haiwan, sekali gus ini merupakan peluang terbaik sebagai pengeluar makanan kucing di negara ini.



Jenis produk

Dayang Surilawana binti Haji Sulaiman, salah seorang anggota kumpulan Purrfectly Green ketika ditemui menjelaskan, pada setakat ini, produk mereka masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (*research and development* (R&D)).

"Kami berusaha sebaik mungkin untuk menghasilkan makanan kucing yang terjamin dari segi kualiti, keselamatan dan kehalalannya selain melakukan analisa makmal bagi memastikan ia selamat dimakan oleh haiwan sebelum dipasarkan. InsyaaAllah, jika tidak ada halangan, kami akan memperkenalkan produk ini di pasaran pada pertengahan tahun depan", ujarnya.

Terangnya lagi, Purrfectly Green dalam rancangan menghasilkan makanan haiwan dalam pelbagai rasa dan para pencinta haiwan mempunyai pemilihan yang pelbagai dalam memilih produk mereka nanti.

Manakala dari segi harga, tambahnya belum dapat ditentukan pada masa sekarang kerana pihak mereka perlu menjalankan beberapa penyelidikan pasaran (*market research*) dan analisis pengiraan kos (*cost analysis*).

Adalah menjadikan Purrfectly Green, agar dapat menjalin lebih banyak kerjasama dengan rakan kongsi tempatan dan pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran.

Belia-belia sekarang mempunyai fiziran yang lebih inovatif seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat. Pencapaian belia akan menjadi pemimpin inspiratif kepada golongan belia lainnya, yang secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk terus berkembang, berani menghadapi cabaran dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan.

Saranan kepada belia

"Melalui Platform Hab Belia yang dilancarkan baru-baru ini merupakan satu inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi membarigakan semua aktiviti sektor kebeliaan di bawah KKBS kepada orang ramai khususnya golongan belia untuk mencapai jaringan yang lebih luas dan komprehensif yang mampu memberi peluang kepada golongan belia untuk menyumbangkan potensi dan sekali gus menjadi inspirasi kepada belia yang lain", terangnya.



GoMamam, belia tempatan berhasrat jadikan negara lebih digital

Rencana : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Jabatan Penerangan, Tangkap layar, ihsan GoMamam

GOMAMAM merupakan platform e-dagang terkemuka di Negara Brunei Darussalam yang menghubungkan kepada lebih 800 kedai di seluruh negara dengan menyediakan penyelesaian logistik dan beroperasi pada aplikasi mudah alih dan di laman sesawang <https://www.gomamam.com>. Belia Berwawasan edisi September kali ini memperkenalkan dua belia yang berwawasan tinggi yang telah berjaya memperkenalkan aplikasi berkenaan dan dengan bangganya meraikan lebih sejuta tempahan menjelang minggu pertama Mac 2024 menerusi aplikasi GoMamam.

Pencapaian luar biasa ini menunjukkan komitmen GoMamam dalam menyediakan pengalaman membeli-belah dalam talian yang mudah kepada masyarakat dan juga menunjukkan keupayaannya untuk memenuhi pelbagai keperluan asas pelanggannya. Diasaskan bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengasas Bersama, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Wahab berumur 35 tahun, berkelulusan Ijazah dalam Marketing with Management di Universiti Aberystwyth dan CFO dan Pengasas Bersama, Awang Abdul Hadi bin Haji Adanan juga berumur 35 tahun dan dalam jurusan dan universiti yang sama.

GoMamam juga berupaya memenuhi pelbagai keperluan asas para pelanggannya dengan matlamat mengubah landskap membeli-belah secara digital dengan menghubungkan pengguna dengan peniaga kecil dan sederhana tempatan dan perniagaan berdasarkan di rumah.

Menerusi GoMamam, purata pesanan harian diterima setiap hari adalah sebanyak 1,200 - 1,300 sehari. Antara yang terdapat di GoMamam ialah modul berkategori termasuk GoFlorist, GoRetail, GoPharma, GoPets, GoElectronics dan Groceries. Terutamanya, penambahan GoRewards meningkatkan pengalaman pengguna dengan sistem mata kesetiaan, membolehkan pengguna menebus mata untuk pembelian dalam modul.

Sejarah awal GoMamam

GoMamam ditubuhkan pada awal tahun 2020 sebelum pandemik COVID-19 yang melanda negara ini. Tercetusnya idea untuk membangunkan GoMamam setelah kedua pengasasnya menemui jurang dalam pasaran dan pengalaman perkhidmatan penghantaran makanan seperti Just Eat/Deliveryo/Uber Eats semasa

mereka belajar di luar negara yang mana telah memberi inspirasi kepada mereka untuk membawa pengalaman tersebut sekali gus memperkenalkan kepada penduduk di negara ini.

Aktiviti terbaru GoMamam

Baru-baru ini GoMamam telah mengadakan festival makanan yang dikenali sebagai GoFeastival dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai rakan bank rasmi. Festival berkenaan telah diadakan pada 20 Julai - 4 Ogos 2024 bermula dari jam 4:30 petang hingga 12:00 tengah malam bertempat di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas. Matlamat GoFeastival adalah untuk menggalakkan para pengguna membeli secara digital menggunakan QuickPay iaitu perkhidmatan bayaran cepat tanpa tunai melalui QR (Quick Response). ia juga untuk membantu rakan kongsi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan sepanjang festival dijalankan.

GoMamam mempunyai lebih 800 kedai di tiga daerah yang beroperasi di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait. Untuk perancangan akan datang, seterusnya akan mengembangkan lagi operasinya untuk menampung ke seluruh negara.

GoMamam di Kampong Ayer

Bermula 1 Mac 2024, penduduk di Kampong Ayer boleh menikmati pelbagai pilihan daripada vendor kegemaran yang dihantar terus ke rumah mereka melalui perkhidmatan penghantaran GoMamam. Perkhidmatan penghantaran GoMamam ke Kampong Ayer, merupakan pertama kali direkodkan di rantau ini. Dengan mengetengahkan kebangkitan 'Padian' iaitu identiti kebruneian melalui aplikasi, telah dimodenkan dengan GoMamam, di mana penduduk di Kampong Ayer kini boleh menikmati kemudahan tempahan daripada lapan kategori di platform mereka dan akan dihantar menggunakan bot.

Dengan memperluaskan lagi perkhidmatan penghantaran itu, menjadi sebahagian daripada komitmen GoMamam untuk berkhidmat kepada seluruh negara. Penduduk di Kampong Ayer kini boleh mengakses pelbagai vendor dengan mudah melalui aplikasi GoMamam.

Proses pesanan adalah ringkas dan mudah, dengan perkhidmatan penghantaran bermula dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari. Manakala pada Jumaat, perkhidmatan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung semula pada jam 2.00 petang hingga 8.00 malam.

Penerimaan daripada para pengguna GoMamam di Kampong Ayer adalah baik setakat ini. GoMamam juga mempunyai rancangan untuk mengembangkan lagi penghantaran ke kawasan permitaan tempahan yang banyak di Kampong Ayer.

Kesimpulannya, pada setakat ini lebih 120,000 pengguna berdaftar di GoMamam dan lebih 200,000 aplikasi GoMamam dimuat turun. Daripada PKS tempatan kepada francais besar di seluruh negara, GoMamam kini telah berkembang menjadi kemudahan paling popular dan mudah untuk pengguna memesan makanan, barang runcit, elektronik, produk farmaseutikal dan banyak lagi.

Melalui sokongan rakan kongsi perniagaan GoMamam, ketekunan penghantar GoMamam, dan kesetiaan pelanggan mereka, GoMamam terus menceburi lebih banyak projek dengan harapan dapat melonjakkan Negara Brunei Darussalam ke sebuah negara yang lebih digital, dan untuk mengembangkan kualiti perkhidmatan mereka.

Sedikit kata nasihat daripada Pengasas GoMamam kepada belia di luar sana yang mahu menceburi bidang yang mereka minati, "Be brave amidst your fears, comfort will not achieve your dreams."

PUPUK SEMANGAT CINTAKAN ILMU AGAMA

Siaran Akbar dan Foto : Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 31 Ogos. - Bersempena dengan Sambutan Ilal Hijrah 1446, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Masjid serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong telah menganjurkan Peraduan Kuiz Hijrah 1446 bagi Belia Masjid Senegara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Sebanyak tujuh kumpulan terdiri daripada belia dan beliananis masjid senegara telah menyertai Peraduan Kuiz Hijrah 1446 yang diadakan di Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong.

Johan kuiz tersebut dimenangi oleh Kumpulan Belia Masjid Kampung Kupang, Daerah Tutong manakala tempat kedua pula jatuh kepada Kumpulan Belia Masjid Pekan Seria, Daerah Belait dan tempat ketiga jatuh kepada Kumpulan Belia Masjid RPN Kampung Rataie, Daerah Temburong.

Adapun tujuan diadakan peraduan ini antara lain untuk membentuk akhlak yang sihat,

cergas serta bersih, dan juga memupuk semangat cintakan ilmu agama pada setiap diri para belia dan beliananis.

Peraduan ini juga dalam masa yang sama untuk mengimarahkan masjid sekali gus menjadikan masjid sebagai gudang ilmu yang bermanfaat kepada jemaah dan masyarakat di sekeliling serta kumpulan belia dan beliananis masjid senegara.

SESI bergambar ramai pada Peraduan Kuiz Hijrah 1446 bagi Belia Masjid Senegara yang diadakan di Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong.



Zahir rasa syukur atas keprihatinan Kebawah DYMM



AWANGKU Muhd. Syahmi Azizan bin Pengiran Haji Mohd. Sufian semasa ditemu bual.

bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong mencerminkan keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk negara ini yang secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan

yang berkonsepkan daya tahan dan mampan, selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Justeru, dengan majlis penganugerahan tersebut, merupakan detik yang sangat ditunggu-tunggu oleh para penerima sejak sekian lama mengimpikannya untuk memiliki rumah kediaman.

Bersempena dengan majlis tersebut, para penerima rata-rata melahirkan perasaan syukur dan gembira serta menjunjung kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menunaikan impian mereka itu.

Menurut Dayang Siti Nor Faezah binti Alirahman yang merupakan penerima Rumah Teres Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lugu melahirkan perasaan gembira dan syukur kerana penantian selama 19 tahun berakhir dengan kegembiraan.

Beliau yang merupakan ibu tunggal kepada seorang anak turut melahirkan rasa menjunjung kasih di atas penganugerahan tersebut yang secara langsung menggambarkan baginda itu seorang pemimpin yang prihatin tentang kebijakan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Untuk itu, beliau melahirkan perasaan junjung kasih yang setingginya atas penganugerahan rumah teres tersebut yang secara langsung memenuhi keperluan mereka.

Sementara itu, Dayang Zurairah binti Haji Lisa berkata, beliau menunggu sejak tahun 2006 dan alhamdulillah sekarang hajat untuk memiliki rumah baharu yang lebih selesa bagi diri mereka dan keluarga akhirnya tercapai juga.

Penyediaan perumahan negara di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) merupakan salah satu agenda pembangunan yang sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Kebawah DYMM dalam usaha bagi memastikan kesejahteraan rakyat di negara

AWANGKU Fadly bin Pengiran Zainal semasa ditemu bual.



tercapai.
“Saya menjunjung kasih yang tidak terhingga ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas perkenan baginda menganugerahkan rumah pada hari ini yang mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda akan keselesaan rakyatnya di negara ini,” jelasnya yang bertugas sebagai seorang penjawat awam kerajaan.

Perkara yang sama turut dirasakan bagi Awangku Muhd. Syahmi Azizan bin Pengiran Haji Mohd. Sufian dan Awangku Fadly bin Pengiran Zainal, masing-masing juga merupakan penerima-penerima Rumah Teres RPN Kampung Lugu.

Mereka melahirkan rasa syukur bercampur gembira dengan penganugerahan rumah tersebut kepada mereka kerana hajat untuk memiliki rumah baharu yang lebih selesa bagi diri mereka dan keluarga akhirnya tercapai juga.

Keluasan lantai bagi setiap unit rumah adalah 122.42 meter persegi. Setiap unit rumah mempunyai empat buah bilik tidur, ruang tamu, dapur, ruang makan serta ruang utiliti dan tiga

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Ogos. - Penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Perumahan Negara

Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phone while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

#YOUandME

www.mkkjr.gov.bn

DAYANG Siti Nor Faezah binti Alirahman (kanan) dan Dayang Zurairah binti Haji Lisa semasa ditemu bual. (kanan)



PERSATUAN SMARTER TERIMA SUMBANGAN PPDB

JAWATANKUSA Sambutan Penubuhan Polis Wanita Ke-50 Tahun mengadakan Program Jalinan Kasih bersama Persatuan SMARTER EDGE sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita.

GADONG, Sabtu, 31 Ogos.

- Jawatankuasa Sambutan Penubuhan Polis Wanita Ke-50 Tahun telah mengadakan Program Jalinan Kasih bersama Persatuan SMARTER EDGE sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Polis Wanita di Pusat SMARTER EDGE, Kampung Perpindahan Mata-Mata.

Dalam program itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah memberi sumbangan kewangan kepada kanak-kanak SMARTER untuk perbelanjaan



keperluan pembelajaran / aktiviti di pusat SMARTER dan sekali gus mewujudkan kesedaran, keprihatinan kepada kanak-kanak autistik.

Antara objektif program adalah untuk mewujudkan kesedaran

tentang autisme dalam kalangan warga pasukan dan keprihatinan kepada kanak-kanak autistik.

Ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial PPDB dan diharapkan untuk memupuk semangat kerja

berpasukan serta menggalakkan pegawai dan anggota bagi menabur bakti dan memberi kembali kepada masyarakat.

Justeru itu, PPDB mengharapkan program dan sumbangan tersebut sedikit-sebanyak boleh memberi

Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

bantuan kepada kanak-kanak SMARTER dan secara tidak langsung menjalinkan hubungan mesra dan kerjasama di antara PPDB dan Persatuan SMARTER.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Belia Mukim Telisai yang berlangsung di Taman Rekreasi Tumpuan Telisai (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

Foto : Pg. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Ahad, 1 September.
- Majlis Perundingan Mukim Telisai dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Danau, MPK Telisai, MPK Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang mengadakan Pesta Belia Mukim Telisai yang berlangsung di Taman Rekreasi Tumpuan Telisai, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pesta berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Pesta yang diadakan selama dua hari bermula kelmarin berkenaan diisikan dengan gerai-gerai jualan dan permainan; Night Walk; Pemanasan badan;

Pesta Belia Mukim Telisai terapkan nilai berdikari, jana perekonomian belia



Perlawanan Tarik Kalat Belia; Acara Memanah; Pertandingan Memancing; Perlawanan Bola Tangan Pantai (Beach Handball); Permainan ATV; dan Sukan ria.

Pesta antara lain bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan berdikari para belia serta penglibatan dan

pendedahan awal kepada para belia / belianis kepada masyarakat.

ia juga bertujuan untuk satu aktiviti mukim dan memberi peluang kepada penjaja untuk menjana perekonomian.



ANTARA aktiviti yang diadakan bagi memeriahkan lagi pesta tersebut (kanan dan kanan sekali).

MENDUKUNG SEMANGAT KESUKANAN, GAYA HIDUP SIHAT

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

RIMBA, Ahad, 1 September.
- Sebanyak 8 buah pasukan bertanding pada Kejohanan Bola Jaring bersempena memperingati pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-68 Tahun, kelolaan Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba, di sini.

Kejohanan yang dibukakan kepada para pegawai, kakitangan serta tenaga pengajar wanita JPI itu merupakan salah satu inisiatif dan galakan kepada warga jabatan untuk bergiat aktif dalam bidang sukan bagi memelihara kesihatan fizikal dan mental.

Ia juga bertujuan untuk memupuk semangat kesukunan, silaturahim, setia kawan serta semangat ukhuwah dalam kalangan para peserta.

Selain itu, kejohanan juga dihasrat untuk mencungkil bakat-bakat baru



PENGARAH Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar bergambar ramai bersama pasukan johan pada Acara Penutup Kejohanan Bola Jaring bersempena memperingati pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-68 Tahun.

supaya dapat diserapkan bagi mewakili jabatan dan kementerian.

Hadir selaku tetamu khas bagi

Acara Penutup Kejohanan petang tadi ialah Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamsol

bin Haji Omar, yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Turut hadir menyaksikan perlawanan ialah pegawai-pegawai kanan dari JPI dan KHEU.

Festival pupuk minat kanak-kanak dalam aktiviti sukan



SUASANA sekitar Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah Rendah Tahun 2024 bagi Kluster 6 yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (atas, kanan dan bawah kanan).

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto: Ihsan Kementerian Pendidikan



KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Ogos.

- Seramai 139 murid termasuk murid berkeperluan khas daripada sembilan buah sekolah rendah menyertai Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah Rendah Tahun 2024 bagi Kluster 6 yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Ketua Kluster 6, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Halizawati binti Haji Kefli.

Pada tahun ini, festival diadakan bagi keenam-enam kluster bermula dengan Kluster 1 yang telah diadakan pada 12 Mei, Kluster 2 pada 26 Mei dan Kluster 3 pada 9 Jun yang mempertandingkan empat acara iaitu Formula Bends, Backward Overhead Throw, Hurdles Relay dan 3 Steps Bound.

Antara objektif festival ini adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang sesuai dengan



keperluan perkembangan fizikal dan merangsang pertumbuhan kanak-kanak.

Selain itu, ia bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak terhadap aktiviti pergerakan, memperkenalkan asas-asas olahraga dalam bentuk

permainan, mempromosikan gaya hidup seimbang dan sihat, serta menggalakkan elemen keseronokan dalam permainan.

Festival ini dianjurkan oleh Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.



PESTA PANTAI LUMUT 2024 : PELUANG PKS JANA PENDAPATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu kehormat menyertai acara kayuhan berbasikal dan seterusnya menyaksikan gerai jualan pada Pesta Pantai Lumut 2024 berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Lumut (kiri dan kanan).

BELAIT, Ahad, 1 September. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut Kawasan 1, Kawasan 2 dan Kawasan 3 dengan kerjasama MPK Sungai Liang menganjurkan Pesta Pantai Lumut 2024 yang berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Lumut pada awal pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada acara berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, yang juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat; Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, yang juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat;

Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad; pegawai kanan kerajaan; Ketua Kampung Lumut 2, Awang Haji Khairdon bin Haji Dahlan selaku Pengerusi Pesta Pantai Lumut 2024; Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan MPK di bawah pentadbiran Mukim Liang.

Terdahulu, acara bermula dengan aktiviti pemanasan badan selama 15 minit dan disusuli dengan taklimat keselamatan dan laluan berbasikal serta berjalan kaki.

Acara kemudian diteruskan dengan pelepasan acara kayuhan berbasikal sejauh 15 kilometer (km) bermula dari Pantai Perangan Lumut Kawasan Lumut 1, Rancangan

Perumahan Negara (RPN) Lumut dan Kawasan Lumut 2 dan berakhir di Pantai Perangan Lumut.

Menyertai acara kayuhan berbasikal berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan para peserta yang terdiri daripada peminat aktiviti berbasikal di negara ini.

Selepas itu, acara diteruskan lagi dengan mempelawa tetamu kehormat majlis untuk menyaksikan gerai-gerai jualan serta beberapa aktiviti menarik seperti permainan Go-Kart, Bouncer, permainan belon air dan gerai makan buah-buahan dari Mukim Bukit Sawat dengan bayaran BND2 seorang, iaitu makan sampai kenyang.

Bagi menyerikan lagi pesta berkenaan, acara

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Sukan Ria juga turut diadakan sehingga jam 4.00 petang.

Antara lain tujuan acara berkenaan diadakan adalah untuk menyatupadukan Ahli Jawatankuasa kampung khususnya empat kampung di bawah Mukim Liang selain menyantuni masyarakat setempat.

Di samping itu, ia juga untuk menjana pendapatan tabung Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk bergerak sendiri serta memberi peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berkecimpung dalam bidang perniagaan sekali gus menyahut cabaran kerajaan serta meningkatkan taraf ekonomi negara dengan menyokong PKS.

Lebih 480 peserta meriahkan Larian Bandar Skechers

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 September. - Larian Bandar Skechers di bawah program Happy Environment and Lifestyle (HEAL), menerima sambutan orang ramai dengan lebih 480 peserta mengambil bahagian dalam larian tersebut.

Larian anjuran GL Extra Enterprise dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, dan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC) Sendirian Berhad itu diadakan pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara bersempena Bandarku Ceria.

Acara larian tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Selain itu, ia juga menggalakkan aktiviti fizikal, interaksi sosial dan penglibatan masyarakat sejajar dengan matlamat Kementerian Kesihatan iaitu untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan awam.

Larian itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Terbuka dan Veteran bagi lelaki dan perempuan, dengan jarak 10 kilometer (km), manakala Kategori 'Fun Run' dengan jarak 3km dibuka bagi penyertaan semua peringkat umur.

Pelbagai aktiviti menarik juga diungkayahkan pada acara tersebut bagi kunjungan orang ramai termasuk perkhidmatan Photo Booth dan gerai aiskrim, selain cabutan bertuah dengan hadiah yang menarik bagi para peserta.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak PPK dan berkepentingan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung serta kanser dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat kepada semua peringkat umur.

Di samping itu juga, ia diharap agar dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai kepentingan menjaga kesihatan diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling.



ANTARA peserta yang menyertai Larian Bandar Skechers di bawah program Happy Environment and Lifestyle (HEAL).